

# Bapa tidak mengaku cederakan anak dengan parang

**MIRI:** Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan dengan sengaja mencederakan anak kandungnya menggunakan sebilah parang.

Mohamad Rosli Mohamad Omar, 43, dari Jalan Tanjung Batu 5 di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama Seksyen 326 kanun yang sama.

Seksyen 324 memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun atau denda atau sebat atau dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Manakala Seksyen 326A boleh membawa hukuman dua kali ganda tempoh maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan di bawah Seksyen 324.

Berdasarkan tuduhan pindaan, tertuduh telah didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan ke atas seorang lelaki berusia 24 tahun yang juga merupakan anak kandungnya dengan bersenjatakan sebilah parang.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7.30 malam, 6 Mac lalu di rumahnya di Jalan Tanjung Batu 5 di sini.

Di hadapan mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asymawi Ghazali memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk pengurusan kes memandangkan tertuduh telah mengaku tidak bersalah.

Hakim Azreena Aziz membenarkan permohonan itu dan menetapkan 15 Mei depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM5,000 berserta dua penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Sebagai syarat tambahan, tertuduh juga dilarang daripada mengganggu mangsa atau saksi dan perlu melapor diri di balai sekali sebulan sehingga kes selesai.